

**DW 6 MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DESA**

Melalui inisiatif memantapkan pembangunan usahawan desa, terdapat dua (2) tindakan disyorkan di dalam usahawan membantu usahawan desa yang berdaya saing, pengukuhan sumber ekonomi dan memperluaskan aspek pemasaran.

**DW 6.1: Cadangan Memperluaskan Program *Desamall***

Program *Desamall* adalah inisiatif KPLB yang bertujuan untuk membantu usahawan luar bandar memasarkan produk perniagaan secara dalam talian melalui platform e-Dagang.

**CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM**

**Justifikasi Cadangan:**

- Program *Desamall*@KPLB sedia ada semakin mendapat sambutan serta jumlah pemasaran yang baik terutamanya permintaan terhadap produk pes makanan.
- Cadangan program ini diperkenalkan bagi memasarkan hasil produk industri desa Negeri Johor ke peringkat nasional dan Antarabangsa.
- Usaha ini juga membantu mengembangkan hasil produk industri desa selain memberi kemudahan di dalam aspek menjual hasil produk dan meningkatkan hasil pendapatan usahawan desa.
- Melalui *DesaMall*@KPLB, barangan-barangan desa akan dipasarkan melalui rangkaian e-dagang terkenal seperti *Lazada, Shopee, PrestoMall, Ebay* mahupun *Amazon*. Antara barangan desa yang mendapat sambutan di *DesaMall*@KPLB ialah seperti produk-produk makanan, fesyen, kraf tangan, aksesori dan pelbagai lagi.

**Komponen Cadangan:**

- Latihan pemeraksanaan e-Dagang bagi produk dan perkhidmatan
- Pengurusan produk dan perkhidmatan
- Pembangunan produk dan perkhidmatan usahawan
- Pengurusan logistik, gudang dan penghantaran
- Ekosistem dan peserta industri
- Pengurusan platform e-Dagang sedia ada bagi pasaran domestik dan eksport

**Kaedah Pelaksanaan:**

- Tender terbuka dan program bersepadu oleh KPLB



**CADANGAN LOKASI**

Cadangan memperluaskan program *desamall* di Daerah Muar dan Segamat seperti mana berikut:

Daerah	Pusat komuniti Desa
Muar	PKD Melayu Panchor (Cadangan)
Segamat	PKD Desa Temu Jodoh (Cadangan)
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

**AGENSI PELAKSANA**


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPLB</li> <li>• PBT</li> <li>• Usahawan Desa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KPLB</li> <li>• Usahawan Desa</li> </ul>

**ANGGARAN KOS**

- Kos Penyelenggaraan & Menaik Taraf = RM 1,500,000 bagi setiap cadangan.

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 3,000,000**

**FASA PELAKSANAAN**



**Pusat Komuniti Desa (PKD) sebagai pusat pengurusan program *Desamall*@KPLB**

Pusat Komuniti Desa (PKD) dicadangkan untuk menjadi pusat pengurusan dan pelaksanaan program *Desamall* ini seperti yang telah dilaksanakan oleh PKD Air Merah di Mersing. Cadangan ini mampu mempertingkatkan kegiatan penubuhan PKD setiap daerah yang mempunyai pelbagai fungsi.

**Pusat Pengurusan Program *Desamall* Sedia Ada**



Foto: Aktiviti pemasaran secara online dan fizikal yang telah dijalankan.  
Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2020



Foto: Pelaksanaan program *Desamall* di PKD Air Merah, Mersing oleh KPLB.  
Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2020

**Cadangan Pusat Pengurusan Program *Desamall***



**MELAYU PANCHOR, MUAR**



**DESA TEMU JOHOH, SEGAMAT**


Penggunaan cadangan program *Desamall* dapat membantu memasarkan produk-produk industri desa ke peringkat nasional dan antarabangsa. Selain Pemasaran secara langsung, kelebihan pemasaran secara dalam talian adalah efektif, pantas dan mudah. Jenis produk yang boleh dipasarkan secara *online* juga bersifat fleksibel merangkumi kraf tangan tradisional, produk jahitan & jahitan, *homestay*, makanan, ubatan herba, tanaman serta produk makanan sejuk beku dan pes makanan. Cadangan pembangunan program *Desamall@KPLB* Johor Utara ditunjukkan di dalam rajah berikut:

Rajah 4.54: Cadangan Pembangunan Program e-Dagang '*Desamall*'



Sumber: Olahan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar (PKLB) dan Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

Rajah 4.55: Cadangan Program *Desamall@KPLB* di Johor Utara



PETUNJUK:

- **Cadangan Pusat Program Desamall**
- 1 - PKD Melayu Panchor, Muar
- 2 - PKD Desa Temu Jodoh, Segamat

- Taburan Kampung Daerah Muar
- Taburan Kampung Daerah Tangkak
- Taburan Kampung Daerah Segamat
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021